


1.3

Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

10. Lengkapkan ayat di bawah. JULUJUTAK
8-9

Bendahari	jajahan	empayar	pelabuhan
Laksamana	Bendahara	keamanan	pendapatan
Syahbandar	Permuafakatan	perbendaharaan	Empat Lipatan

- (a) Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka memiliki pentadbiran lengkap dan tersusun dikenali sebagai Pembesar _____.
- (b) Pembesar lain yang membantu Pembesar Berempat ialah _____, Bentara, Orang Kaya, hulubalang dan Penghulu.
- (c) Pentadbiran peringkat pusat dilaksanakan oleh Pembesar Berempat yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu _____, Temenggung dan Laksamana.
- (d) _____ menjalankan tugas sebagai ketua pentadbir dan menasihati sultan dalam pelbagai hal.
- (e) Sumber _____ Kesultanan Melayu Melaka diperoleh daripada urusan perdagangan, segala jenis cukai dan ufti daripada wilayah taklukan dan naungan.
- (f) Penghulu Bendahari dilantik bagi menguruskan _____ dan hasilnya akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan seperti membeli senjata atau membina istana.
- (g) Syahbandar bertanggungjawab mengutip cukai di _____ dan pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan.
- (h) Temenggung dilantik menjaga keselamatan di darat dan _____ berperanan sebagai panglima angkatan laut Melaka.
- (i) Pada peringkat _____, pembesar dilantik oleh sultan atau Pembesar Berempat untuk menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung.
- (j) Pembesar jajahan menjaga _____ kawasan pentadbiran dan dibenarkan mengutip cukai.
- (k) _____ antara sultan dan pembesar mewujudkan sistem pentadbiran yang tersusun dan mengelakkan salah guna kuasa oleh golongan pemerintah.
- (l) Sistem pentadbiran yang sistematik membuktikan kebijaksanaan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mentadbir kerajaan sehingga membentuk sebuah _____ yang terkenal.